

06/12/1997

AIM, Aero Invest jalin kerjasama

AEROSPACE Industries Malaysia (AIM), syarikat milik Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan PJS Industries Sdn Bhd (PJS) mendahului aspirasi negara untuk mengukuhkan rancangan pembangunan industri aeroangkasa.

Usaha itu dapat dicapai apabila AIM menandatangani perjanjian usaha sama dengan syarikat asing, Aero Invest Germany (Aero Invest) untuk menubuhkan, AIM Flight Support Sdn Bhd (AIM Flight).

AIM Flight akan meneroka bidang perniagaan baru iaitu penubuhan pusat penyudah dan penyelenggaraan jet perniagaan di Malaysia.

Presiden AIM, Datuk Ahmad Johan, berkata pusat itu yang membabitkan pelaburan keseluruhan bernilai AS\$20 juta (RM70 juta) itu adalah pertama seumpamanya di rantau timur jauh.

"Pusat itu akan menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan menyeluruh termasuk pembaikan struktur pesawat, pencegah karat, peningkatan sitem avionik, pemulihan dalaman, mengecat pesawat dan khidmat sokongan pesawat keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian itu yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Menandatangani perjanjian itu, Ahmad mewakili AIM, sementara Aero Invest diwakili presidennya, Helmut Wegner.

(END)